

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2016

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Nov./Dis.

2¼ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1103/1 © 2016 Hak Cipta Kerajaan Malaysia




SULIT

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada ciri-ciri sekolah selamat.
Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri sekolah selamat. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

CIRI-CIRI SEKOLAH SELAMAT**Khidmat Pengawal Keselamatan****Alat Pemadam Api****Papan Tanda Amaran**

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Sempena Minggu Keselamatan Jalan Raya peringkat sekolah, anda selaku pengerusi kelab telah diminta untuk memberi ceramah dalam perhimpunan sekolah. Tajuk ceramah ialah 'Cara-cara Mengurangkan Risiko Kemalangan Jalan Raya dalam Kalangan Murid'.
Sediakan teks ceramah anda selengkapnya.
- 2 Remaja kini terdedah kepada pelbagai cabaran hidup akibat pengaruh rakan sebaya, media massa dan budaya Barat.
Huraikan peranan ahli keluarga dalam membantu para remaja menghadapi cabaran-cabaran tersebut.
- 3 Sikap kurang prihatin terhadap alam sekitar telah menyebabkan berlakunya banjir yang membawa pelbagai kesusahan kepada banyak pihak.
Berikan komen anda.
- 4 Tahap kesedaran masyarakat tentang penyakit berbahaya yang mengancam nyawa manusia seperti barah dan demam denggi masih rendah.
Bincangkan.
- 5 Golongan sasterawan banyak memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara melalui karya yang dihasilkan, khususnya dalam pemupukan nilai-nilai murni. Sumbangan para sasterawan ini wajar dihargai.
Berikan pendapat anda tentang cara-cara menghargai sumbangan golongan sasterawan di negara kita.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT